

CNS8937

R GB 25-08 00159 BC014

BAH

Mahathir - Menara

PERDANA MENTERI PUAS HATI KEMAJUAN PEMBINAAN MENARA KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau berpuas hati dengan kemajuan pembinaan Menara Kuala Lumpur yang begitu cepat walaupun mengikut jadual, pembinaannya siap pada penghujung 1995.

Rangka luar menara itu telahpun mencapai ketinggian 180m walaupun mula dibina hanya awal tahun ini.

Keseluruhan projek pembinaan menara setinggi 420 meter itu, bernilai RM200 juta yang apabila siap kelak akan menjadi menara konkrit ketiga tertinggi di dunia selepas Menara CN di Toronto, Kanada dan Menara Moscow.

Dr Mahathir kemudian menaiki ke tingkat tertinggi yang telah siap untuk meninjau pandangan sekitar Kuala Lumpur.

Perdana Menteri menarik perhatian ramai mengenai pembakaran terbuka yang dapat dilihat daripada menara itu.

Dr Mahathir berkata, beliau berharap kejadian pembakaran secara terbuka tidak berlaku kerana perbuatan itu akan mencemarkan lagi alam sekitar. --  
lagi

▼25/08/20-38MST

R GB 25-08 00150 BC015

bah

Mahathir - Menara 2 (akhir) Kuala Lumpur

"Saya tidak tahu apa nak buat lagi (untuk menjaga kebersihan alam sekitar). Saya berharap orang ramai tidak mengadakan pembakaran secara terbuka," katanya kepada pemberita selepas melawat menara itu hari ini.

Perdana Menteri enggan menjawab soalan berkaitan politik atau perkara-perkara yang dibincangkan pada mesyuarat kabinet pagi tadi.

Terdahulu, Dr Mahathir diberi penerangan mengenai projek itu oleh arkitek Datuk Nik Mohamed Mahmood dari Kumpulan Senireka dan para jurutera projek, Wayss-Freytag Sdn Bhd dari Jerman.

Perdana Menteri juga diberi beberapa gambar dan reka bentuk ruang legar utama yang berunsur keislaman, yang diambil daripada contoh-contoh ruang legar beberapa bangunan di negara Islam termasuk Iran.

Yang turut hadir ialah Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, Datuk Bandar, Datuk Dr Mazlan Ahmad dan Pengerusi Eksekutif Telekom Malaysia, Tan Sri Rashdan Baba. -- Bernama

RA MGM PAZ